



YAPEIM

PENYATAAN POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI

YAPEIM termasuk kumpulannya (secara kolektif dikenali sebagai institusi milik penuh dan institusi di bawah kawalan) komited untuk **menjalankan operasi dan perniagaannya dengan penuh integriti.**

YAPEIM bertekad untuk **memerangi semua bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan** dengan mengamalkan **pendekatan toleransi sifar** dan **mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** serta undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan dalam **mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik.**

YAPEIM melaksanakan dasar antirasuah dan korupsi dengan komited terhadap perkara berikut:

1. **Melarang** pekerja, pelanggan, serta rakan perniagaan atau pihak ketiga daripada **meminta atau menawarkan rasuah atau apa-apa bentuk penyelewengan;**
2. **Menubuhkan, mengekalkan dan menyemak** secara berkala **keberkesanan Polisi** serta berusaha untuk sentiasa **menambah baik pelaksanaan** tersebut;
3. **Menggalakkan** pekerja, pelanggan, rakan perniagaan atau pihak ketiga **menyuarakan kebimbangan dengan niat baik** atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, tanpa rasa takut akan tindakan balas, dengan **melaporkan salah laku yang mungkin berlaku (rasuah dan penyelewengan);** dan
4. Memberikan **sokongan berterusan kepada pihak yang bertanggungjawab** dalam memantau pematuhan terhadap keberkesanan pelaksanaan antirasuah dan korupsi.

YAPEIM **tidak bertoleransi ke atas sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran** selaras dengan peraturan semasa dan akan tertakluk kepada tindakan sewajarnya.